



28 Januari 2022
28 January 2022
P.U. (A) 24

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT) (PINDAAN) 2022

*MALAYSIA DEPOSIT INSURANCE CORPORATION
(DIFFERENTIAL PREMIUM SYSTEMS IN RESPECT OF
DEPOSIT-TAKING MEMBERS) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA
(SISTEM PREMIUM BERBEZA BERKENAAN DENGAN ANGGOTA PENERIMA DEPOSIT)
(PINDAAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 53 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2011 [*Akta 720*], Perbadanan membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) (Pindaan) 2022.**

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2022.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza berkenaan dengan Anggota Penerima Deposit) 2011 [P.U. (A) 34/2011], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

- (a) dengan memotong takrif “anggota penerima deposit baru”; dan

(b) dengan memasukkan sebelum takrif “taraf pengawasan” takrif yang berikut:

‘ “tahun taksiran kedua” ertinya tahun taksiran sebaik selepas tahun taksiran pertama;

“tahun taksiran pertama” ertinya tahun taksiran yang suatu bank Islam atau bank berlesen menjadi suatu anggota penerima deposit;’.

Penggantian peraturan 3

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 3 dengan peraturan yang berikut:

“Pengemukaan maklumat kepada Perbadanan

3. (1) Suatu anggota penerima deposit, selain suatu anggota penerima deposit yang dikelaskan dalam kategori premium 1 di bawah subperaturan 10(1), bagi setiap tahun taksiran selepas tahun taksiran keduanya, hendaklah mengemukakan kepada Perbadanan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Perbadanan dalam tempoh dan mengikut cara yang ditentukan oleh Perbadanan bagi maksud mentaksir pemarkahan dan menentukan kategori premium anggota penerima deposit itu menurut peruntukan Jadual.

(2) Jika suatu anggota penerima deposit telah diberikan suatu kelulusan bertulis di bawah subseksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758] untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam sebagai tambahan kepada perniagaan berlesennya, anggota penerima deposit itu hendaklah mengemukakan kepada Perbadanan maklumat yang disebut dalam subperaturan (1) secara berasingan bagi perniagaan perbankan Islam dan perniagaan berlesen anggota penerima deposit itu.”.

Pindaan peraturan 4

4. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**pemarkahan, kategori premium dan kadar premium**” dengan perkataan “**pemarkahan dan menentukan kategori premium**”;

(b) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

“(1) Bagi setiap tahun taksiran, apabila menerima maklumat yang disebut dalam peraturan 3, Perbadanan hendaklah—

- (a) mentaksir dan menentukan pemarkahan bagi suatu anggota penerima deposit bagi tahun taksiran itu menurut pemarkahan sebagaimana yang ditentukan dalam Jadual; dan
- (b) menentukan kategori premium yang anggota penerima deposit itu dikelaskan bagi tahun taksiran itu berdasarkan kriteria kuantitatif, kriteria kualitatif dan pemarkahan sebagaimana yang ditentukan dalam Jadual.”; dan
- (c) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “apa-apa pemarkahan, atau pengelasan kategori premium atau kadar premium” dengan perkataan “apa-apa pemarkahan atau pengelasan kategori premium”.

Penggantian peraturan 5

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 5 dengan peraturan yang berikut:

“Kegagalan mengemukakan maklumat

5. Jika suatu anggota penerima deposit gagal untuk mengemukakan kepada Perbadanan maklumat yang disebut dalam peraturan 3, Perbadanan hendaklah membuat taksiran dan penentuan pemarkahan dan kategori premium anggota penerima deposit itu bagi tahun taksiran itu menurut peraturan 4 dengan menggunakan apa-apa maklumat berkaitan yang tersedia kepada Perbadanan.”.

Pindaan peraturan 6

6. Peraturan 6 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**pemarkahan, kategori premium dan kadar premium**” dengan perkataan “**pemarkahan dan kategori premium**”;
 - (b) dengan menggantikan perkataan “secara bertulis” dengan perkataan “melalui notis sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan”;
 - (c) dengan menggantikan perkataan “pemarkahan, kategori premium dan kadar premiumnya” dengan perkataan “pemarkahan dan kategori premiumnya”; dan
 - (d) dengan menggantikan perkataan “dalam tempoh lima belas hari selepas tarikh akhir anggota penerima deposit itu dikehendaki untuk mengemukakan maklumat kuantitatif di bawah subperaturan 3(1)” dengan perkataan “dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan”.

Pindaan peraturan 7

7. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—
- (a) dalam subperaturan (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “pemarkahan, kategori premium dan kadar premium Perbadanan” dengan perkataan “pemarkahan dan kategori premium”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “selepas 31 Mei tetapi sebelum 1 September tahun taksiran itu atau dalam apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh Perbadanan” dengan perkataan “dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan”;